

# UMS

## tanggung

## sesi kuliah

## jika IPU

## meningkatkan

UM 5-4-16 9

**KOTA KINABALU 4 April**

- Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengambil langkah menanggungkan sesi kuliah sekiranya kualiti udara di bandar raya ini terus merosot.

Langkah serta-merta itu jelas Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah diambil bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus khususnya para mahasiswa berada dalam keadaan baik,

Menurutnya, pihak universiti memandang serius fenomena jerebu yang melanda beberapa daerah di negeri ini.

“Kita akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa termasuk mengikuti perkembangan paras IPU terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Setakat pukul 1 petang ini, Jabatan Alam Sekitar negeri melalui laman sesawang mereka mencatatkan bacaan sederhana iaitu IPU 68 bagi kawasan Kota Kinabalu.

Sebagai langkah awal, Mohd. Harun berkata, UMS akan mengedarkan topeng hidung dan mulut secara percuma kepada mahasiswa.

Katanya, topeng itu boleh diperolehi melalui kolej-kolej kediaman serta pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

“Selain itu, Mohd. Harun menasihatkan warga kampus supaya mengurangkan aktiviti luar sehingga paras kualiti udara berada di tahap baik,” katanya.